



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### PEKERJA DI MALAYSIA BOLEH MEMOHON ATURAN KERJA FLEKSIBEL

---

**Putrajaya** - Menteri di Sumber Manusia (KESUMA) semasa Perhimpunan Bulanan KESUMA pada 18 April 2024 menyatakan Pekerja di Malaysia boleh memohon kepada majikan aturan kerja fleksibel berdasarkan masa, hari dan lokasi bekerja mengikut Seksyen 60P dan 60Q Akta Kerja 1955.

Permohonan aturan kerja fleksibel perlu diserahkan kepada majikan untuk diberikan maklum balas dalam tempoh 60 hari sama ada diluluskan atau sekiranya ditolak, majikan harus memberikan alasan.

KESUMA akan sentiasa mengkaji dan menambah baik dasar serta undang-undang perburuhan selaras dengan prinsip 3K iaitu kebajikan, kemahiran, keberhasilan pekerja.

Menurut Seksyen 60P (1) Akta Kerja 1955, pekerja boleh memohon daripada majikan mereka untuk pengaturan kerja fleksibel untuk mengubah waktu bekerja, hari bekerja atau perubahan tempat bekerja tertakluk kepada apa-apa syarat dan peruntukan yang terkandung dalam kontrak perkhidmatan.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA)**  
**22 APRIL 2024**